

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan premis perniagaan yang telah diperiksa, aduan yang telah diterima, notis dan kompaun yang telah dikeluarkan, tindakan mahkamah termasuk jenis tindakan yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga yang melanggar Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 sejak GST dilaksanakan pada 1 April 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 10 Mei 2015, sebanyak 4,849 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh JKDM sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. Selain itu, JKDM bersama KPDNKK telah menjalankan OPS BERSEPADU JKDM-KPDNKK dan telah melawat 8,299 buah premis bermula 1 April hingga 15 April 2015. JKDM juga telah mengeluarkan 214 tawaran kompaun bagi kes lewat daftar GST dibawah seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Dalam masa yang sama, pihak KPDNKK juga telah menjalankan 256,886 pemeriksaan ke atas semua jenis premis perniagaan dan sebanyak 702 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah **membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan.** Selain itu, KPDNKK turut mengeluarkan tiga dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan

2011. Sehingga 14 Mei 2015, dua syarikat telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 14 (1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah denda sebanyak RM140,000.

KPDNKK dan JKDM akan terus melaksanakan operasi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.